



(Dari kiri) Marlina, Rosli dan Borhan berkongsi kegembiraan selepas menerima ijazah pada Konvokesyen UMS, semalam.

Bakal ibu sahut cabaran jadi guru terlatih

BH 24.11.2013 4

Kota Kinabalu: Bekas guru sandaran menyifatkan kejayaannya menamatkan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membolehkannya memohon jawatan guru terlatih sebagai rezeki anak sulung yang bakal dilahirkan Januari depan.

Marlina Abdullah, 29, yang menerima diploma daripada Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin, pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-15 di Dewan Canselor UMS di sini semalam, kini sarat

“*Ketika itu, saya mengalami alahan dan terpaksa berdepan kerengah pelajar. Ia menimbulkan tekanan tetapi saya tetap kuatkan semangat*”

Marlina Abdullah,
Pelajar DPLI

han.

“Ketika itu, saya mengalami alahan dan terpaksa berdepan kerengah pelajar. Ia menimbulkan tekanan tetapi saya tetap kuatkan semangat,” katanya.

Jadi guru sandaran

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi guru sandaran selama tiga tahun di SMK Kuhara, Tawau dan SMK Kota Klias, Beaufort.

Sementara itu, dua beradik yang menerima Ijazah Sarjana Seni Kreatif dan Ijazah Sarjana Ekonomi, menyifatkan konvokesyen UMS kali ini sebagai amat bermakna kerana mereka menerima ijazah dalam satu majlis konvokesyen.

Rosli Sareya, 33, dan adiknya Borhan, 26, menganggap kejayaan mereka sebagai hadiah kepada ibu bapa yang sentiasa memberi dorongan.

mengandung tujuh bulan.

Beliau berkata, pengalaman menyelesaikan kerja kursus ketika mengandung antara cabaran dihadapinya sepanjang kursus itu.

“Saya disahkan mengandung pada Mac lalu ketika menjalani latihan praktikal di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Garam 2, Kinabatangan.

“Walaupun boleh mengambil cuti, saya mengambil keputusan untuk meneruskan latihan.